

## **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PENGENDALI PERANCAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

### **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan menerangkan maklumat yang diperlukan untuk pendaftaran dan tanggungjawab pengendali perancah .

### **2. PERMOHONAN PENDAFTARAN**

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut ke pejabat JKJP negeri:

- a. Surat permohonan
- b. Borang permohonan pendaftaran
- c. Salinan Kad Pengenalan (*disahkan benar oleh pegawai kerajaan kumpulan pengurusan & profesional*)
- d. 2 keping gambar berukuran lesen memandu
- e. Laporan pemeriksaan perubatan
- f. Salinan sijil kompetensi daripada pusat pengajar yang diiktiraf oleh Jabatan
- g. Surat pengesahan majikan atau pengesahan bekerja sendiri

### **3. KRITERIA KELULUSAN**

Pemohon hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- a. Warganegara Malaysia
- b. Telah hadir dan lulus kursus pengendali perancah di pusat pengajar yang diiktiraf oleh Jabatan(*bagi sijil lulus kursus yang melebihi tempoh 1 tahun, pemohon dikehendaki menduduki semula peperiksaan kompetensi pengendali perancah di pusat pengajar yang berkaitan*)
- c. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan mempunyai kesihatan badan dan berkeupayaan yang memuaskan untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan perancah dengan selamat.
- d. Pendaftaran akan berdasarkan kepada kelayakan pemohon dan akan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu asas, pertengahan dan tertinggi.
- e. Tempoh Pendaftaran adalah selama 2 tahun.

#### **4. PEMBATALAN**

Pendaftaran sebagai pengendali perancah boleh dibatalkan jika didapati:

- a. Memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.
- b. Orang itu tidak lagi berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya yang mana boleh membahayakan keselamatan dirinya atau orang lain.
- c. Tidak mematuhi Akta dan Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysia.
- d. Menyalahgunakan sijil pendaftaran yang diberi.

#### **5. PEMBAHARUAN PENDAFTARAN**

Pembaharuan pendaftaran boleh dibuat selewat-lewatnya dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh tamat kelulusan dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut :

- a. Sijil Pengendali Perancah (*Asal*)
  - b. Borang permohonan pembaharuan
  - c. Laporan pemeriksaan perubatan
  - d. Surat pengesahan majikan atau pengesahan bekerja sendiri
- \*bagi pemegang sijil kompetensi yang tamat tempoh melebihi 1 tahun, pemohon dikehendaki menduduki semula peperiksaan kompetensi pengendali perancah di pusat pengajar yang berkaitan sebelum mengemukakan permohonan pembaharuan*

#### **6. TANGGUNGJAWAB**

- a. Pengendali Perancah hendaklah menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan perancah mengikut jenis-jenis perancah yang boleh dipasang mengikut kompetensi berdasarkan seperti di Lampiran 1.
- b. Pengendali Perancah adalah bertanggungjawab ke atas tugas-tugas berikut:
  - i. Memeriksa bahan-bahan dan bahagian-bahagian perancah sebelum pemasangan dijalankan.
  - ii. Terlibat secara langsung dalam kerja-kerja memasang, mengubahsuai dan mendirikan perancah.

- iii. Menjalankan pemeriksaan akhir pada struktur perancah yang dipasang sebelum perancah digunakan.
  - iv. Terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pemeriksaan berkala, penyenggaraan dan merombak perancah.
- c. Pengendali Perancah hendaklah merekodkan segala butir-butir pemeriksaannya ke atas perancah dan rekod ini hendaklah disimpan untuk pemeriksaan.
- 

## **Lampiran 1**

### **JENIS-JENIS PERANCAH YANG BOLEH DIPASANG MENGIKUT PERINGKAT**

#### **PERINGKAT ASAS**

1. Independent
2. Independent with return Scaffold
3. Mobile Tower Scaffold
4. Static Tower Scaffold
5. Birdcage Scaffold
6. Putlog Scaffold
7. Trestle Scaffold

#### **PERINGKAT PERTENGAHAN**

1. Truck Access / Gantry (Tension and Compression)
2. Truss-out (Spur)
3. Barrow Ramp
4. Cantilever Scaffold
5. Cantilever Catch Platform (Protective Fan)

#### **PERINGKAT TERTINGGI**

1. Hung Scaffold
2. Slung Scaffold
3. Shoring System (False Work/Flying Shore/Raking Shore)